

**PENILAIAN KESESUAIAN KURIKULUM PROGRAM
IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP)
PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
MALAYSIA**

**CURRICULUM EVALUATION OF BACHELOR OF TEACHING
PROGRAM OF ISLAMIC EDUCATION IN MALAYSIAN INSTITUTE
OF TEACHER EDUCATION**

Mohd Zailani Bin Ismail¹
Mohamad Khairi Bin Hj. Othman, Ph.D²

¹ Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, 06000 Jitra, Kedah Darulaman, Malaysia. Penulis boleh dihubungi melalui ustazzailani@gmail.com.

² Pensyarah Kanan, School of Education and Modern Language (SEML), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darulaman, Malaysia.

Accepted date: 29 January 2018

Published date: 27 March 2018

To cite this document: Ismail, M. Z. B., & Othman, M. K. B. H. (2018). Penilaian Kesesuaian Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(8), 91-106.

Abstrak: Malaysian Qualification Agency (MQA) (2011) melaporkan bahawa Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam seharusnya mempunyai objektif yang khusus serta berfokus kepada program yang ditawarkan. Objektif yang sedia ada dalam kurikulum IPG juga adalah bersifat umum dan dilihat kurang sesuai. Oleh demikian, kajian ini bertujuan menilai dimensi konteks dari aspek kesesuaian kandungan kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Responden kajian adalah seramai 315 orang guru praperkhidmatan dari seluruh Institut Pendidikan Guru Malaysia kohortambilan Januari 2013, Jun 2013, Januari 2014, dan Jun 2014. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis diskriptif menggunakan IBM SPSS Statistics versi 20.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min, dan sisihan piawai, manakala analisis inferensi menggunakan ANOVA satu hala. Hasil kajian mendapati kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah tinggi (Min=4.57 dan S.P=0.50). Ujian ANOVA satu hala pula menunjukkan terdapat perbezaan antara zon kedudukan IPG. Sungguhpun terdapat perbezaan yang signifikan, perbezaan dalam skor purata adalah kecil. Saiz kesan adalah kecil berdasarkan nilai $\eta^2 = .03$. Implikasi kajian menjelaskan tahap kesesuaian kandungan kurikulum yang tinggi sekaligus mampu memberi impak positif kepada guru praperkhidmatan dalam penyediaan diri menjadi seorang guru baharu yang cemerlang serta bersedia menggalas tanggungjawab sebagai ejen transformasi pendidikan negara.

Kata Kunci: Penilaian, Kurikulum, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Falsafah Pendidikan Islam

Abstract: *The Malaysian Qualification Agency (MQA) (2011) reports that the Bachelor of Teaching Program (PISMP) of Islamic Education should have specific objectives and focus on the programs offered. The existing objectives in the IPG curriculum are also general and seen less appropriate. Therefore, this study aims to evaluate the context dimensions in terms of the suitability of the curriculum content of the Bachelor of Teaching Program (PISMP) of Islamic Education at the Malaysian Institute of Teacher Education. The respondents of the study were 315 pre-service teachers from all Malaysian Institutes of Teacher Education cohort January 2013, June 2013, January 2014, and June 2014 intake. The design of this study uses quantitative and qualitative methods. Descriptive analysis uses IBM SPSS Statistics version 20.0 to get the frequency, percentage, min, and standard deviation, while inference analysis practices one-way ANOVA. The findings demonstrate that the suitability of Islamic Education PISMP curriculum with National Education Philosophy is high (Min = 4.57 and S.P = 0.50). One-way ANOVA test indicates that there are differences between the IPGs position zone. Although there are significant differences, the difference in average score is small. Impression size is small based on the eta value squared = .03. The research implication explains the degree of curriculum content suitability which is high and at a time bounces a positive impact to pre-service teachers in self-preparation to be new excellent teachers and willing to take responsibility as a national education transformation agent.*

Keywords: Assessment, Curriculum, Bachelor of Teaching Program (PISMP), Islamic Education Philosophy

Pendahuluan

Kejayaan sesuatu sistem pendidikan dinilai melalui tahap pembelajaran dan perkembangan murid semasa mereka melalui sistem tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah bertekad meningkatkan kualiti kemenjadian murid selaras dengan aspirasi untuk meletakkan Malaysia dalam sistem pendidikan pada kelompok sepertiga teratas di dunia. Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), pendekatan Kementerian terhadap pendidikan tertumpu kepada pembangunan murid secara holistik yang menekankan pembangunan intelek, rohani, emosi, dan fizikal, seiring dengan pembinaan identiti nasional yang kukuh. Oleh demikian bagi mencapai matlamat pembelajaran, penilaian semula kurikulum menjadi agenda utama Kementerian untuk menterjemahkan dasar kepada tindakan penambahbaikan institusi pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kurikulum mestilah selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk berjaya pada abad ke-21 dan seterusnya. Hal ini perlu seiring dengan semangat untuk pembelajaran sepanjang hayat. Menyedari hakikat bahawa Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan pusat berlakunya dan bermulanya pembelajaran, maka peranannya diperkasakan bagi memastikan hasrat murni dasar dapat diterjemahkan secara tekal dan berwibawa dalam konteks penyediaan pengalaman bertaraf dunia kepada guru-guru praperkhidmatan.

Justeru, pelaksanaan kurikulum yang bersepadu berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi melahirkan guru praperkhidmatan dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global menjadi sangat penting. Kurikulum yang digubal ini haruslah menyentuh dimensi intelek, rohani, emosi, dan fizikal setiap murid, serta menekankan aplikasi pengetahuan

dan perkembangan pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Latar belakang Kajian

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam merupakan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian pengkhususan (Pendidikan Islam Pendidikan Rendah) di bawah kelolaan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan secara profesional selaras dengan FPK dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Falsafah Pendidikan Islam (FPI) pula merupakan suatu usaha untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, membangunkan diri, masyarakat, dan negara dengan menyampaikan ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Bagi memastikan pelaksanaan program sentiasa dapat mencapai matlamat yang diharapkan, suatu penilaian berterusan dan terancang adalah diperlukan. Menurut Stufflebeam (1971) penilaian merupakan proses penentuan masalah, pemilihan maklumat berkaitan, dan pemungutan dan penganalisaan maklumat bagi tujuan pelaporan rumusan yang berguna kepada pembuat keputusan (Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli, Shahrin Hashim, Azizi, Jamaluddin, & Shahrin, 2008; Stufflebeam, 1971).

Stufflebeam (1971) juga menyatakan penilaian program boleh dilaksanakan dengan menggunakan kesemua komponen penilaian *Context-Input-Process-Product* (CIPP) atau mana-mana komponen sahaja tetapi hendaklah dilakukan secara berurutan. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (1985) penilaian tidak boleh digambarkan sebagai satu acara tetapi penilaian adalah sebagai satu proses yang melibatkan tiga langkah utama, iaitu menggambarkan, memperoleh, dan menyediakan maklumat yang bertujuan menambah baik terhadap sesuatu program. Hal ini jelas Stufflebeam dan Coryn (2014) hlm 316 menyatakan "*A fundamental tenet of the CIPP model is that evaluation's purpose is not only to prove but also-and more important-to improve*". Oleh itu, tujuan penilaian untuk tindakan pembedahan, penambahbaikan, dan perancangan PISMP Pendidikan Islam akan dapat dilakukan dengan lebih komprehensif kerana melalui tiga langkah proses di atas.

Salah satu aspek yang perlu diberi perhatian adalah penilaian terhadap aspek matlamat atau objektif. Penilaian terhadap aspek matlamat atau objektif ini merupakan salah satu aspek penilaian dari dimensi konteks berdasarkan Model Penilaian CIPP. Oleh demikian, objektif pendidikan program dan juga hasil pembelajaran program menjadi subjek kajian ini dengan meninjau sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum dengan FPI.

Pernyataan masalah

Kurikulum ditafsirkan sebagai pengalaman ataupun satu siri pengalaman yang dirancang bagi mencapai sesuatu matlamat tertentu (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2008). Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980) menyatakan kurikulum adalah rancangan pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan dan kemahiran, nilai dan norma, dan dikendalikan oleh institusi pelajaran yang terbahagi kepada dua iaitu kurikulum akademik dan juga ko-kurikulum.

Kurikulum pendidikan yang dibangunkan perlulah selaras dengan aspirasi wawasan negara. Malah lebih penting dari itu selaras dengan wawasan akhirat yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah supaya generasi yang dididik dapat memenuhi tuntutan negara pada masa depan dengan lebih sempurna berlandaskan syariat. Kegagalan kurikulum pendidikan untuk menselarikan objektifnya dengan Falsafah Pendidikan Islam akan menyebabkan generasi yang dididik memberi masalah kepada negara.

Di IPG, kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan adalah bermatlamat melahirkan guru siswazah sekolah rendah yang terlatih, dinamik, berwibawa, dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat FPK dan FPG. Selain itu matlamat PISMP juga mestilah selari dengan domain hasil pembelajaran program seperti yang telah ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework-MQF) iaitu dari segi: (i) pengetahuan dan kefahaman; (ii) kemahiran praktikal; (iii) kemahiran sosial dan tanggungjawab; (iv) etika, profesionalisme dan kemanusiaan; (v) komunikasi, kepimpinan dan kemahiran berpasukan; (vi) kaedah saintifik, pemikiran kritikal dan kemahiran penyelesaian masalah; (vii) pembelajaran sepanjang hayat; dan (viii) kemahiran pengurusan dan keusahawanan (“Malaysian Qualifications Agency (MQA) - StudyMalaysia.com,” 2015).

Namun polemik oleh banyak pihak (Abdul Rahman Idris, Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Simin Gharifekr, & Mohammed Sani Ibrahim, 2014), termasuklah pihak KPM sendiri dan agensi berkaitan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2012) yang menyentuh keberkesanan program dilihat boleh menggugat matlamat program setelah hampir sedekad PISMP Pendidikan Islam dilaksanakan. Menurut laporan Malaysian Qualification Agency (MQA) (2011), PISMP Pendidikan Islam seharusnya mempunyai objektif yang khusus serta berfokus kepada program yang ditawarkan. Objektif yang sedia ada dalam kurikulum IPG adalah bersifat umum.

Menurut laporan Malaysian Qualification Agency (MQA) (2011) lagi mendapati kurikulum yang dikemukakan tidak mengguna pakai amalan yang ditetapkan MQA iaitu pengajaran berdasarkan hasil pembelajaran. Kebanyakan topik utama dan sub topik dalam kebanyakan kursus adalah terlalu umum dan ringkas. Perkara ini memerlukan penambahbaikan dan perincian setiap topik dalam kebanyakan kursus tersebut. Beberapa kursus dalam kurikulum program ini menggunakan bahan rujukan utama yang tidak relevan dan kurang semasa. Oleh itu bahan rujukan yang digunaka pakai dalam kursus perlu diganti dengan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dan lebih semasa iaitu tahun2005 ke atas (Malaysian Qualification Agency (MQA), 2011).

Terkini, laporan Malaysian Qualification Agency (MQA), (2016) pula mempersoalkan kebolehcapaian pemindahan kemahiran melalui kursus-kursus pengajian umpamanya kursus PQE3013E Tilawah dan Tafsir Al-Quran, kursus PQE3023E Ulum Al-Quran dan Ulum Al-Hadith, dan kursus PQE3033E Tarannum Al-Quran. Laporan ini menggambarkan terdapatnya kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaan kurikulum program berkaitan khususnya PISMP Pendidikan Islam. Justeru, kajian penilaian terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dilihat sangat penting dan perlu dipertingkatkan secara berterusan untuk melengkapkan guru baharu dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar secara efektif (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Justeru, kesesuaian kurikulum program ini memerlukan kepada penilaian semasa seperti kajian ini.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan menilai kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI serta perbezaannya berdasarkan zon IPG di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Persoalan Kajian

- i) Apakah tahap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI di Institut Pendidikan Guru Malaysia?
- ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara zon kedudukan IPG terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam?

Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara zon kedudukan IPG terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi membantu IPG untuk menilai, merancang, serta membuat penambahbaikan agar guru praperkhidmatan menjadi lebih bersedia apabila menjadi guru permulaan setelah menamatkan pengajian kelak dan di tempatkan di sekolah-sekolah seluruh pelosok tanahair. Hasil kajian juga amat penting kerana pihak IPGM dapat memanfaatkannya bagi memurnikan serta merangka kurikulum program serta aktiviti latihan profesionalisme keguruan. Usaha seumpama ini amatlah kritikal bagi membolehkan IPGM terus berperanan dalam menjamin kelestarian usaha KPM untuk terus menyediakan sistem pendidikan bertaraf dunia.

Skop Kajian

Kajian ini membataskan kepada guru praperkhidmatan kohortambilan Januari 2013, Jun 2013, Januari 2014, dan Jun 2014. Skop kajian juga terbatas kepada IPG yang hanya menawarkan PISMP Pendidikan Islam di seluruh Malaysia.

Kajian Literatur

Transformasi Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)

Sistem pendidikan yang terancang dapat menghasilkan produk yang baik, dan ianya bermula dari peringkat pembinaan kurikulum yang berkualiti sehinggalah ke peringkat pelaksanaan kurikulum tersebut. Oleh itu kualiti sistem pendidikan sesebuah negara itu bergantung pada kualiti kurikulum yang dibina melalui peringkat perancangan dan pelaksanaan yang berkesan (Kamaruddin Husin, 2004). Kurikulum yang merupakan teras dalam bidang pendidikan adalah bersifat dinamik, saintifik, dan sentiasa mengalami penambahbaikan sejajar dengan kehendak dan keadaan semasa. Justeru, penilaian kurikulum merupakan salah satu tahap dalam kitaran kurikulum yang perlu dilakukan sebagai satu proses penambahbaikan yang berterusan, selari dengan peredaran masa dan kehendak semasa yang sentiasa berubah-ubah (Ratnavadivel, 2000).

Kurikulum pendidikan guru PISMP di IPG merupakan suatu pelan sistematik bagi melatih bakal guru dan pendidik secara teori, ilmu dan pengalaman. Latihan ini mengharapakan bakal guru dan pendidik yang bersepadu dan profesional dapat dibentuk. Antara ciri-ciri kurikulum pendidikan guru di IPG ini adalah bersifat futuristik, dinamik, responsif, relevan, holistik, konsep "*Personhood of teacher's*", bersepadu, memberi fokus kepada pendekatan humanistik, membina insan guru yang dapat menanggapi sebarang cabaran pendidikan melalui aplikasi

teori, mempunyai kesinambungan antara pengajaran berkesan, pengajaran klinikal dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat (Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, 2010).

Dalam penyediaan guru abad ke-21, islamisasi kurikulum pendidikan Islam di institusi pendidikan guru mestilah berupaya menghasilkan proses PdP bersepadu berdasarkan gagasan Islamisasi ilmu moden (Noor Hisham Md Naw, 2012). Kajian Kartini Abdul Mutalib, Ahmad Shahabudin Yahaya, dan Ai'sah Abol (2012) telah menggambarkan keberkesanan kurikulum pada tahap yang tinggi (85.0%) dalam pelaksanaan kurikulum PISMP pengkhususan Pendidikan Islam di salah sebuah IPG di Malaysia. Secara umumnya kajian tersebut juga memperlihatkan peningkatan terhadap kemahiran pengintegrasian teknologi dalam PdP, kemahiran berkomunikasi, dan juga peningkatan pemahaman dan kesedaran akauntabiliti profesion keguruan. Fokus kajian Kartini Abdul Mutalib et al. (2012) adalah di zon Tengah atau di IPG Kampus Ipoh secara khususnya. Oleh kerana kajian ini hanya melihat dari sudut sebuah IPG sahaja, maka pengkaji berhasrat membuat penilaian secara lebih komprehensif dari beberapa buah IPG berdasarkan zon pula.

Kajian Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, dan Mohd Rofian Ismail (2015) pula mengenai pengaruh objektif kurikulum terhadap penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia mendapati pengaruh yang tinggi melebihi nilai 50 peratus yang menunjukkan 90.8 peratus kekerapan pencapaian objektif secara positif berbanding hanya 9.2 peratus adalah negatif.


Falsafah Pendidikan Islam dan Kurikulum

Falsafah Pendidikan Islam merupakan salah satu konsep pendidikan yang amat penting dalam menjana anjakan paradigma yang positif dalam setiap diri individu. Ia juga memainkan peranan penting dalam melahirkan insan deduktif yang dinamik dalam semua aspek kehidupan. Dalam menempuh alam teknologi dan komunikasi maklumat yang tiada sempadan, tidak dapat dinafikan pembangunan modal insan dan pembinaan generasi rabbani perlu dititikberatkan selari dengan keprihatinan terhadap kepesatan kemajuan negara.

Kajian Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizan Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, dan Mohd Hishamuddin Abd Hamid (2012) mendapati kesepaduan antara peranan guru Pendidikan Islam masa kini dengan FPI dapat mewujudkan kemenjadian murid yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum, sahsiah malahan dalam bidang pembangunan rohani iaitu akhlak. Kajian Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2011) pula mendapati empat pola matlamat yang ingin dicapai oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu pemindahkan ilmu, perubahan tingkah laku, pelajar menjadi cemerlang, dan pelajar berjaya di dunia dan akhirat.

Penilaian terhadap kurikulum program

Menurut Stufflebeam (1971) penilaian merupakan satu cara untuk mendapatkan maklumat dan akan digunakan dalam membuat sebarang keputusan. Secara amnya pengkaji menjadikan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007) sebagai asas kerangka teori kajian. Berdasarkan Rajah 1 Model Penilaian CIPP di bawah ini terdapat empat dimensi penilaian iaitu konteks, input, proses dan produk.



Rajah 1 : Model Penilaian CIPP

Sumber : Stufflebeam & Shinkfield, (2007) hlm.333

Rajah 1 di atas menunjukkan bulatan tiga lapisan berpusat berdasarkan empat dimensi asas Model Penilaian CIPP. Nilai teras pada pertengahan bulatan menggambarkan nilai yang menjadi keperluan penilaian dasar bagi seseorang penilai. Bulatan di lapisan kedua mengandungi elemen matlamat, perancangan, tindakan dan hasil yang berperanan sebagai aspek penilaian terhadap sesuatu program yang dinilai. Manakala bulatan besar di luarnya pula menunjukkan dimensi-dimensi penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses, dan penilaian produk. Dua anak panah di dalamnya menunjukkan kesalingan hubungan antara tumpuan penilaian tertentu dengan jenis penilaian. Matlamat di dalam program berperanan untuk mengemukakan persoalan penilaian konteks. Perancangan yang dibuat dalam sesuatu program menimbulkan persoalan dari dimensi penilaian input. Tindakan dalam pelaksanaan program pula membawa kepada penilaian proses. Manakala penilaian produk merupakan hasil pelaksanaan atau keberkesanan program yang menatijahkan kekuatan, kelemahan atau kesan sampingan yang wujud. Nilai teras bagi sesuatu program ini didasari oleh peranan keempat-empat dimensi Model Penilaian CIPP tersebut (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Skop batasan kajian ini berdasarkan Model Penilaian CIPP adalah hanya dari dimensi kontek iaitu aspek matlamat. Oleh huraian model hanya berkaitan dengan kajian yang dibuat dan tidak melibatkan tiga lagi dimensi lain iaitu input, proses dan produk.

Penilaian “konteks” tertumpu kepada persekitaran, di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli, Shahrin Hashim et al., 2008). Untuk menguji keberkesanan PISMP Pendidikan Islam sebagai contoh, penilaian “konteks” ialah kesesuaian kandungan kurikulum PISMP dengan FPI. Kandungan kurikulum dibentuk dengan tujuan untuk memenuhi aspirasi negara, masalah-masalah yang dihadapi oleh guru praperkhidmatan dalam pengkhususan Pendidikan Islam, keyakinan pensyarah mengajar dan sikap guru praperkhidmatan dalam penerimaan perubahan.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran. Bentuk penggabungan yang digunakan dalam kajian ini pula adalah secara *Embedded Mixed Method* yang mana pengumpulan data

kuantitatif dan kualitatif dilakukan secara serentak dan interpretasi dibuat pada kemudiannya bagi menjawab persoalan kajian. Jenis gabungan ini juga membolehkan data kuantitatif dan kualitatif dikumpulkan secara berturut-turut. Pendekatan *Embedded Mixed Method* membolehkan data utama kuantitatif akan disokong dengan data kualitatif ataupun data utama kualitatif akan disokong dengan data kuantitatif (Creswell, 2014).

Dalam kajian ini, data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan populasi guru praperkhidmatan PISMP Pendidikan Islamambilan Januari 2013, Jun 2013, Januari 2014, dan Jun 2014 seramai 453 orang. Soal selidik telah ditadbir sendiri oleh pengkaji dan melalui pembanci (*enumerator*) yang dilantik. Berdasarkan jumlah populasi tersebut Krecjie & Morgan (1971) mencadangkan bilangan sampel yang diperlukan adalah seramai 210 orang. Namun bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya soal selidik yang tidak sempurna atau responden tidak memulangkannya, pengkaji telah meningkatkan bilangan sampel sehingga 50% menjadikan jumlah sampel kajian adalah sebanyak 315 orang guru praperkhidmatan seperti mana telah dicadangkan Salkind (2012).

Instrumen soal selidik kajian mempunyai dua bahagian iaitu maklumat demografi berkenaan nama IPG, jantina, kohortambilan, dan satu konstruk utama iaitu kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI. Instrumen dalam kajian mengandungi 8 item yang dibina dan disesuaikan dari kajian Nor Hayati Fatmi Talib (2014), Alias Mat Saad (2010), dan Azizi Jaafar (2015).

Analisis diskriptif dan inferens dalam kajian ini menggunakan *IBM SPSS Statistics* versi 20.0 untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min, sisihan piawai dan ujian ANOVA satu hala. Interpretasi skor min adalah 1.00 hingga 2.33 pada tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 pada tahap sederhana, dan 3.67 hingga 5.00 pada tahap tinggi yang dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Interperatsi Skor Min

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 hingga 2.33	Tahap yang rendah
2.34 hingga 3.66	Tahap yang sederhana
3.67 hingga 5.00	Tahap yang tinggi

Soal selidik ini menggunakan skala Likert 1 hingga 5 yang mewakili Sangat Tidak Sesuai, Tidak Sesuai, Kurang Sesuai, Sesuai, dan Sangat Sesuai seperti Jadual 2 dibawah.

Jadual 2 : Tahap Persetujuan Skala Likert

Skala	Tahap Persetujuan
1	Sangat Tidak Sesuai
2	Tidak Sesuai
3	Kurang Sesuai
4	Sesuai
5	Sangat Sesuai

Instrumen kajian ini telah dibuat kesahan dengan merujuk 10 orang pakar yang terdiri dua orang pakar bahasa, seorang dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam, lima orang dalam bidang pendidikan, seorang dalam bidang statistik, dan seorang pakar penilaian program yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang dikaji bagi mendapatkan kesahan muka (*face validity*), kesahan kandungan (*content validity*)(Gay & Airasian, 2003). Pengkaji juga telah menjalankan ujian faktor analisis untuk mendapatkan kesahan konstruk (*construct*

validity) bagi setiap item. Hasil ujian tersebut mendapati semua konstruk melebihi nilai yang dicadangkan oleh Pallant (2010) (*Communalities* >.3, *Total Variance Explained* >1, dan *Component Matrix* >.7) (Julie Pallant, 2010).

Ujian rintis pula dilaksanakan terhadap 40 orang guru pelatih yang mempunyai ciri yang sama dengan responden sebenar bertujuan mendapatkan nilai kebolehpercayaan setiap item. Nilai *Alpha Cronbach* bagi konstruk kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI adalah sangat tinggi iaitu 0.91. Menurut Pallant (2007), nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.7 adalah sangat sesuai. Maka kesemua item bagi konstruk kajian ini adalah diterima dan mencapai nilai yang dikehendaki.

Manakala data kualitatif pula diperolehi melalui temubual terhadap seorang pensyarah dari Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu dan dua orang guru praperkhidmatan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Data kualitatif telah dianalisis secara manual berdasarkan tema-tema yang telah sedia ada mengikut soal selidik. Pengkaji telah menggunakan protokol temubual separa berstruktur. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan terhadap data yang diperolehi, pengkaji telahpun merekodkan data secara elektronik dan digital melalui perakam suara MP3. Semua perbualan dan transkrip direkod secara verbatim, iaitu betul-betul apa yang dituturkan atau ditulis, serta memberi deskripsi yang konkrit dan tepat dalam nota lapangan.

Dapatan Kajian

Data deskriptif dianalisa menggunakan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai untuk melihat tahap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI dalam kalangan guru praperkhidmatan PISMP Pendidikan Islam di IPGM. Selain itu analisa inferensi dengan menggunakan ANOVA satu hala digunakan untuk melihat perbezaan mengikut zon terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dari perspektif guru praperkhidmatan.

Bahagian A: Maklumat Demografi

Responden kajian adalah seramai 315 guru praperkhidmatan iaitu 91 orang lelaki (28.9%) dan 224 orang perempuan (71.1%) yang telah mengikuti latihan praperkhidmatan di institut pendidikan guru seluruh Malaysia seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Jantina Responden Guru Praperkhidmatan PISMP Pendidikan Islam

Profil	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	91	28.9
Perempuan	224	71.1
Jumlah	315	100

Institut Pendidikan Guru yang menawarkan PISMP Pendidikan Islam adalah sebanyak lapan buah IPG. Daripada jumlah seramai 315 responden kajian, 50 orang (15.9%) adalah dari IPGK Kota Bharu, 143 orang (45.4%) dari IPGK Pendidikan Islam, 28 orang (8.9%) dari IPGK Dato Razali Ismail, 29 orang (9.2%) dari IPGK Tun Abdul Razak, 24 orang (7.6%) dari IPGK Tawau, 11 orang (3.5%) dari IPGK Keningau, 16 orang (5.1%) dari IPGK Batu Lintang, dan 14 orang (3.5%) dari IPGK Gaya. Jadual 4 dibawah menjelaskan taburan jumlah responden berdasarkan kampus IPG.

Jadual 4 : Taburan Jumlah Responden Berdasarkan Kampus Institut Pendidikan Guru

	Institut Pendidikan Guru	Frekuensi	Peratus (%)
1	IPGK Kota Bharu	50	15.9
2	IPGK Pendidikan Islam	143	45.4
3	IPGK Dato Razali Ismail	28	8.9
4	IPGK Tun Abdul Razak	29	9.2
5	IPGK Tawau	24	7.6
6	IPGK Keningau	11	3.5
7	IPGK Batu Lintang	16	5.1
8	IPGK Gaya	14	4.4
	Jumlah	315	100.0

Berdasarkan jumlah keseluruhan IPG yang terlibat, pengkaji telah mengkategorikan IPG tersebut kepada tiga kategori zon seperti dalam Jadual 5 dibawah. Zon Timur mewakili IPG Kampus Kota Bharu, Kelantan, dan IPG Kampus Dato Razali Ismail, Terengganu. Zon Tengah mewakili IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor. Manakala zon Borneo Sabah dan Sarawak mewakili IPG Kampus Tun Abdul Razak, IPG Kampus Tawau, IPG Kampus Keningau, IPG Kampus Batu Lintang, dan IPG Kampus Gaya. Oleh demikian, Jadual 5 di bawah menjelaskan taburan responden dari zon Timur adalah seramai 78 orang (24.8%), zon Tengah seramai 143 orang (45.4%), dan zon Borneo Sabah dan Sarawak seramai 94 orang (29.8%).

Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Zon Institut Pendidikan Guru

	Zon	Frekuensi	Peratus (%)
1	Timur	78	24.8
2	Tengah	143	45.4
3	Borneo Sabah & Sarawak	94	29.8
	Jumlah	315	100.0

Taburan responden guru pelatih PISMP Pendidikan Islam berdasarkan kohort ambilan adalah seperti Jadual 6. Kohort ambilan responden kajian ialah Januari 2013 seramai 172 orang (54.6%), Jun 2013 seramai 45 orang (14.3%), Januari 2014 seramai 35 orang (11.1%), dan Jun 2014 seramai 63 orang (20.0%).

Jadual 6 : Taburan Responden Guru Pelatih Mengikut Kohort Ambilan

	Kohort	Frekuensi	Peratus (%)
	Ambilan Januari 2013	172	54.6
	Ambilan Jun 2013	45	14.3
	Ambilan Januari 2014	35	11.1
	Ambilan Jun 2014	63	20.0
	Jumlah	315	100

Bahagian B: Kesesuaian Kandungan Kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam

Dapatan persoalan kajian (i): Sejauh manakah kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) di Institut Pendidikan Guru Malaysia?

Taburan min dan sisihan piawai berdasarkan item aspek kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan FPI menunjukkan purata min yang tinggi iaitu 4.57 dan sisihan piawai 0.50. Secara terperinci seperti dalam Jadual 7 dibawah, item “*memupuk penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah*” mencapai min terendah iaitu 4.51 (S.P=0.64) dengan 2 orang (0.6%) menyatakan tidak sesuai, 18 orang (5.7%) menyatakan kurang sesuai, 113 orang (35.9%) menyatakan sesuai, dan 182 orang (57.8%) menyatakan

sangat sesuai. Manakala item “*melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kebaikan di dunia*” mencapai min tertinggi iaitu 4.63 (S.P=0.56) dengan 11 orang (3.5%) menyatakan kurang sesuai, 96 orang (30.5%) menyatakan sesuai, dan 208 orang (66%) menyatakan sangat sesuai.

Jadual 7 : Taburan Min dan Sisihan Piawai Aspek Kesesuaian Kandungan Kurikulum PISMP Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam

Item	f (%) Sangat Tidak Sesuai	f (%) Tidak Sesuai	f (%) Kurang Sesuai	f (%) Sesuai	f (%) Sangat Sesuai	Min	S.P
Pada pandangan saya, kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam bersesuaian dengan usaha berterusan untuk:							
1) menyampaikan ilmu berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah;		1 (0.3%)	21 (6.7%)	107 (34.0%)	186 (59.0%)	4.52	0.64
2) membentuk kemahiran berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah;		2 (0.6%)	14 (4.4%)	110 (34.9%)	189 (60.0%)	4.54	0.61
3) memupuk penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah;		2 (0.6%)	18 (5.7%)	113 (35.9%)	182 (57.8%)	4.51	0.64
4) melahirkan insan yang berilmu;		1 (0.3%)	14 (4.4%)	111 (35.2%)	189 (60.0%)	4.55	0.60
5) melahirkan insan yang berkeperibadian mulia;			9 (2.9%)	108 (34.3%)	198 (62.9%)	4.60	0.55
6) melahirkan insan yang bersikap positif;			8 (2.5%)	106 (33.7%)	201 (63.8%)	4.61	0.54
7) melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kebaikan di dunia;			11 (3.5%)	96 (30.5%)	208 (66.0%)	4.63	0.56
8) melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kesejahteraan abadi di akhirat.			14 (4.4%)	99 (31.4%)	202 (64.1%)	4.60	0.58
Purata						4.57	0.50

n=315

Dapatan dari temubual pengkaji terhadap guru praperkhidmatan PISMP Pendidikan Islam mengukuhkan lagi dapatan kuantitatif. Secara umumnya menunjukkan kandungan kurikulum adalah merangkumi semua FPI serta mencukupi berdasarkan dapatan temubual responden pertama iaitu:

“Falsafah Pendidikan Islam bagi saya cukup menepatilah sebab kurikulum yang disediakan tu sudah merangkumi kesemuanya dengan Falsafah Pendidikan Islam”
(R1)

Kandungan kurikulum dalam PISMP Pendidikan Islam juga telah merangkumi FPI yang sentiasa berusaha membentuk keperibadian warganegara yang mempunyai intelek yang tinggi, memupuk peribadi insan mulia, serta mengenali al-Quran dan al-Sunnah. Antara dapatan temubual tersebut:

“Contohnya aa dari segi melahirkan insan yang intelek.. yang macam-macamlah kan.. dari segi kurikulum ..intelek tu dia dapat tengok dari subjek-subjek matapelajaran” (R1)

“Ok baik...Untuk kesesuaian kandungan yg diberikan kepada kami ni amat bersesuaianlah dgn Falsafah Pendidikan Islam.. jika kita tengok Falsafah Pendidikan Islam itu sendiripun dia lebih menuju kepada kita nak mengenal al-Quran dan al-Sunnah.. nak mengenal dengan lebih teliti mengenai apa itu Islam yang sebenarnya..”(R2)

“Pada pendapat saya sesuai dengan falsafah pendidikan islam tu..contohnya ada elemen-elemen yang nak diterapkan dengan kandungan yang ada dalam pismp contohnya..ada ilmu yang berteraskan dengan al-quran dan al-sunnah.. lepas tu ada elemen yang nak memupuk peribadi insan yang mulia”. (R3)

Dapatan persoalan kajian (ii): Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara zon kedudukan institut pendidikan guru terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam. Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara zon kedudukan institut pendidikan guru terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam.

Ujian ANOVA satu hala telah dijalankan untuk melihat perbezaan antara zon kedudukan IPG terhadap kesesuaian kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam. IPG yang menawarkan PISMP Pendidikan Islam telah dibahagikan kepada tiga zon berdasarkan kedudukan iaitu zon Timur, zon Tengah, dan zon Borneo Sabah dan Sarawak. Ujian Levene telah dijalankan untuk menguji hipotesis bahawa ralat varians variabel bersandar bagi setiap kumpulan dalam variabel bebas adalah sama. Keputusan ujian Levene dalam Jadual 8 di bawah, iaitu $F(2,312)=.30$, $p=.75$ menunjukkan bahawa ia tidak signifikan ($p>.05$). Hipotesis nul gagal ditolak. Ini menunjukkan bahawa nilai varians variabel bersandar dalam setiap kumpulan responden kajian adalah hampir sama. Data kajian mematuhi syarat ujian ANOVA.

Jadual 8 : Ujian kesamaan varians (Test of Homogeneity of Variances) Kesesuaian Kandungan Kurikulum PISMP Pendidikan Islam

Levene Statistic	df1	df2	Sig.
.295	2	312	.745

Keputusan ujian ANOVA satu hala dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa perbezaan zon kedudukan IPG adalah signifikan secara keseluruhan: $F(2, 312)=4.80$, $p<.05$. Sungguhpun mencapai perbezaan yang signifikan, perbezaan dalam skor purata adalah kecil. Saiz kesan adalah kecil berdasarkan nilai $\eta^2=.03$.

Jadual 9 : ANOVA Perbezaan Kesesuaian Kandungan Kurikulum PISMP Pendidikan Islam Berdasarkan Zon Kedudukan IPG

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Antara Kumpulan	2.316	2	1.158	4.795	.009
Dalam Kumpulan	75.339	312	.241		
Jumlah	77.654	314			

Perbandingan Post-Hoc menggunakan Tukey HSD dalam Jadual 10 menunjukkan skor purata zon Timur ($M=4.43$, $SD=0.502$) berbeza secara signifikan dengan zon Borneo Sabah dan Sarawak ($M=4.67$, $SD=0.504$). Zon Tengah ($M=4.57$, $SD=0.476$) tidak berbeza secara signifikan dengan zon sama ada Timur dan Sabah dan sarawak.

Jadual 10 : Post-Hoc Tukey HSD Perbezaan Kesesuaian Kandungan Kurikulum PISMP Pendidikan Islam Berdasarkan Zon Kedudukan IPG

(I) Zon IPG	(J) Zon IPG	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Timur	Tengah	-.13680	.06917	.119
	Borneo Sabah & Sarawak	-.23271*	.07526	.006
Tengah	Timur	.13680	.06917	.119
	Borneo Sabah & Sarawak	-.09591	.06525	.307
Borneo Sabah & Sarawak	Timur	.23271*	.07526	.006
	Tengah	.09591	.06525	.307

Rumusan dan Perbincangan

Kehendak Falsafah Pendidikan Islam menyatakan bahawa “Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”. Guru praperkhidmatan yang secara langsung terlibat dengan kurikulum program merupakan penilai utama terhadap perkara yang berkaitan dengan dirinya. Oleh demikian, kajian ini mendapati kandungan kurikulum PISMP Pendidikan Islam yang dilaksanakan di IPGM di seluruh Malaysia adalah sangat bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Islam apabila catatan merekodkan purata min yang tinggi iaitu 4.57 dan sisihan piawai 0.50. Hal ini menggambarkan semua aspek utama yang terkandung dalam FPI menepati dengan apa yang diajar dan yang terkandung di dalam kurikulum program. Kesepaduan antara peranan guru Pendidikan Islam masa kini dan Falsafah Pendidikan Islam dalam mewujudkan kemenjadian murid bukan sahaja dapat membentuk kecemerlangan dalam bidang akademik, kokurikulum, sahsiah malahan dalam bidang pembangunan rohani iaitu akhlak (Rohizan Ya et al., 2012). Oleh itu dapatan ini menjelaskan bahawa penetapan hasil pembelajaran program yang ingin dicapai adalah sangat penting dan mempengaruhi aspek produk hasil program.

Dimensi konteks dalam Model Penilaian CIPP merupakan permulaan kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan PISMP Pendidikan Islam. Penilaian “konteks” tertumpu kepada persekitaran, di mana perubahan akan berlaku dan masalah persekitaran yang dihadapi. Tujuan penilaian ini adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli, Shahrin Hashim et al., 2008). Berdasarkan dapatan kajian yang mendapati perbezaan antara zon kedudukan IPG, namun perbezaannya dalam skor purata adalah kecil yang mana saiz kesan adalah kecil berdasarkan nilai $eta\ squared=.03$. Hal keadaan menggambarkan dapatan tahap kesesuaian kurikulum program yang telahpun dilaksanakan di IPG berjalan dengan baik sekali.

Falsafah Pendidikan Islam ini sebenarnya adalah gambaran falsafah Islam yang terbina atas asas yang kukuh, diyakini dan tidak mudah berubah, iaitu berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi panduan dalam semua aspek kehidupan manusia termasuk pendidikan. Turki Rabih (1982) menyatakan bahawa falsafah pendidikan Islam dibina berasaskan empat rukun, iaitu: i) iman yang teguh kepada Allah dan Rasul-Nya, para malaikat, syurga, dan hari kebangkitan; ii) akhlak yang baik dan mulia; iii) berilmu dalam erti yang menyeluruh; dan iv) amal soleh di dunia dan di akhirat. Hal ini adalah sebagaimana di jelaskan dalam firman Allah Taala dalam Surah Yunus ayat 9 yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka dibimbing oleh Tuhan kerana keimanannya, dibawah mereka mengalir sungai-sungai di dalam syurga yang penuh kenikmatan”.

Falsafah merupakan komponen yang paling penting utama dan tertinggi di dalam pendidikan kerana sikap manusia yang ingin dilahirkan adalah bergantung pada falsafah yang disalurkan melalui pendidikan yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam kandungan kurikulum program. Oleh itu, falsafah yang berteraskan kebendaan akan melahirkan masyarakat yang bersikap kebendaan yang hanya mampu membangunkan aspek kebendaan bagi keseronokan hidup di dunia semata-mata dan melupakan matlamat untuk mencapai kesejahteraan abadi di akhirat seperti mana yang telah nyatakan di dalam al-Quran melalui firman Allah Taala dalam Surah al-Jathiah ayat 24 yang bermaksud:

“Dan mereka berkata: Tiadalah hidup yang lain selain hidup kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman, pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu, mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata”.

Berdasarkan maksud ayat di atas dan juga ayat yang lalu dapat difahami bahawa guru praperkhidmatan yang akan menjadi guru Pendidikan Islam kelak mempunyai peranan yang amat besar dan begitu kritikal dalam merealisasikan falsafah Pendidikan Islam kerana masyarakat kini sememangnya menaruh harapan tinggi kepada para guru yang mendidik anak-anak mereka di sekolah. Mereka perlu mempunyai keimanan yang teguh, menjadi *qudwah hasanah* ataupun *role model*, pengetahuan yang luas serta beramal dengan ilmu. Justeru, guru praperkhidmatan khususnya bidang Pendidikan Islam bukan sekadar harus mengetahui dan memahami falsafah ini, bahkan wajar menghayatinya agar peranan mereka lebih berkesan dalam melahirkan generasi murid yang memiliki penghayatan dan pengamalan agama yang tinggi. Mereka juga perlu sentiasa cemerlang dalam profesion serta bersedia menggalas tanggungjawab sebagai ejen transformasi pendidikan negara. Untuk kajian seterusnya penilaian dari sudut pandang pakar-pakar dalam bidang penilaian program bagi meninjau kerelevanan program dengan FPK, FPG, dan juga FPI adalah dirasakan amat penting kerana masih dalam ruang dimensi konteks berdasarkan Model Penilaian CIPP.

Rujukan

- Abdul Rahman Idris, Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Simin Gharifekr, & Mohammed Sani Ibrahim. (2014). *Analisis Strategik Dasar Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakar Nordin, & Ikhsan Othman. (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum* (2nd ed.). Tanjong Malim: Quantum Books.
- Alias Mat Saad. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli, Shahrin Hashim, N. Y., Azizi, Y., Jamaluddin, R., & Shahrin, H. (2008). Sejaumanakah model Stufflebeam (KIPP) boleh membantu dalam penilaian program pembelajaran? In *Isu-Isu Psikologi Pembangunan Diri* (pp. 188–209).
- Azizi Jaafar. (2015). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context - Input - Process - Product (CIPP)*. Universiti Utara Malaysia.

- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications (4th ed.). United States of America: SAGE Publications. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational Research* (7th ed.). New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman. (2010). *Buku Panduan Ijazah Sarjana Muda Perguruan*. Jitra: Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2012). *Laporan lengkap penilaian program IPG 2011*. Cyberjaya, Selangor.
- Kamaruddin Husin. (2004). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kayazano Enterprise.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Penerapan matlamat Pendidikan Islam oleh guru cemerlang Pendidikan Islam: Saru kajian kes di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 55(Mei), 37–53.
- Kartini Abdul Mutalib, Ahamad Shahabudin Yahaya, & Ai'sah Abol. (2012). Keberkesanan kurikulum PISMP pengkhususan Pengajian Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012)*, 1–16.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1980). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. KPM. Retrieved from <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Khairatul Akmar Ab Latif, Ahmad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rofian Ismail. (2015). Pengaruh Objektif Kurikulum Terhadap Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab (PSMBA) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *E-Journal of Arabic & Islamic Civilization*, 2, 90–100.
- Malaysian Qualification Agency (MQA). (2011). *Laporan Lawatan Penilaian Panel Penilai*. Petaling Jaya, Selangor.
- Malaysian Qualification Agency (MQA). (2016). *Laporan Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian*. Petaling Jaya, Selangor.
- Malaysian Qualifications Agency (MQA) - StudyMalaysia.com. (2015). Retrieved February 9, 2016, from <https://www.studymalaysia.com/education/higher-education-governing-authorities/malaysian-qualifications-agency-mqa>
- Noor Hisham Md Nawi. (2012). Islamisasi kurikulum Pendidikan Islam di Institusi Pendidikan Guru: Tribulasi dan cadangan. In *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam* (pp. 1–13).
- Nor Hayati Fatmi Talib. (2014). *Penilaian pelaksanaan kurikulum Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual : A step by step guide to data analysis using SPSS for windows* (3rd ed.). Glasgow: McGraw-Hill Open University Press.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual : A step by step guide to data analysis using the SPSS program* (4th ed.). Australia: Mc Graw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Penilaian kendalian sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ratnavadivel, N. (2000). Pengurusan dan perkembangan kurikulum: ke arah melahirkan guru yang dapat merealisasikan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. In *Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan dalam Pendidikan pada 3-4 Oktober 2000, Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur.

- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizan Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, & Mohd Hishamuddin Abd Hamid. (2012). Peranan Guru Pendidikan Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Membentuk Kemenjadian Individu Murid Yang Berakhlak. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*, 1–17. Retrieved from <http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/read/95/Peranan-Guru-Pendidikan-Islam-Menerusi-Falsafah-Pendidikan-Islam-Dalam-Membentuk-Kemenjadian-Individu-Murid-Yang-Berakhlak>
- Salkind, N. J. (2012). *Exploring Research* (8th ed.). United States of America: Pearson Education.
- Stufflebeam, D. L. (1971). The use of experimental design in educational evaluation. *Journal of Educational Measurement*, 8(4).
- Stufflebeam, D. L., & Coryn, C. L. S. (2014). *Evaluation, Theory, Model & Applications* (2nd ed.). United States of America: Jossey-Bass A Wiley Brand.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation Theory, Models, & Applications* (1st ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Turki Rabih. (1982). *Dirasat Fi al-Tarbiyah al-Islamiyah Wa-Sakhsiah al-Wataniyyah*. Beirut: Al-Muassasah al-Jamiiyyah al-Dirasat Wa Nashri al-Tauzi’.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Mentransformasi Sistem Pendidikan*, 39.